

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

10.1 Malaysia dalam Isu Global Kontemporari

(Buku Teks m.s. 226 – 229)

- 1 Malaysia telah berjaya menangani pelbagai isu global dengan baik.
Apakah kesan kejayaan tersebut terhadap negara?
- A Penceroakan tanah baharu
 - B Dihormati oleh negara lain
 - C Kekayaan negara terpelihara
 - D Tolcransi sesama masyarakat

(Buku Teks m.s. 226)

- 2 Apakah isu global yang dihadapi oleh Malaysia?
- I Penyakit berjangkit
 - II Kejatuhan mata wang
 - III Kekurangan makanan
 - IV Pertindihan sempadan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 226)

- 3 Bagaimanakah tindakan Malaysia untuk menangani isu penyalahgunaan dadah?
- A Menjatuhkan hukuman berat
 - B Menutup sempadan negara
 - C Membina benteng pertahanan
 - D Mengawal pencerobohan udara

(Buku Teks m.s. 226)

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha menangani penyalahgunaan dadah.

Tahun	Forum Antarabangsa
1983	Persidangan Penguatkuasaan Dadah Antarabangsa (IDEC)

Apakah negara yang menubuhkan IDEC?

- A Rusia
- B China
- C Perancis
- D Amerika Syarikat

(Buku Teks m.s. 226)

- 5 Mengapakah Malaysia perlu mendapatkan kerjasama daripada INTERPOL (Polis Antarabangsa)?

- A Menyelesaikan isu tuntutan sempadan
- B Menangani kemelesetan ekonomi
- C Memerangi penyalahgunaan dadah
- D Mengatasi masalah pencemaran alam


(Buku Teks m.s. 226)

- 6 Siapakah pemimpin negara yang terpilih sebagai Ketua Jawatankuasa Antidadah Antarabangsa pada tahun 1988?

- A Tun Dr. Mahathir Mohamad
- B Tun Abdullah Ahmad Badawi
- C Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood
- D Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar

(Buku Teks m.s. 226)

- 7 Rajah berikut berkaitan dengan isu tuntutan sempadan yang dihadapi Malaysia.



Apakah X?

- A Ligitan
- B Pulau Sipadan
- C Pulau Batu Putih
- D Kepulauan Spratly

(Buku Teks m.s. 227)

- 8 Bagaimanakah Malaysia mengatasi isu global komtemporari berikut?

Pertindihan sempadan

- A Mengemukakan di Mahkamah Antara-bangsa
- B Meminta campur tangan agensi antarabangsa
- C Mendapatkan kerjasama daripada INTERPOL
- D Melaksanakan pembangunan ekonomi segi tiga

(Buku Teks m.s. 227)

- 9 Jadual berikut berkaitan dengan isu tuntutan sempadan yang dihadapi Malaysia.

Pertindihan Sempadan	Negara Terlibat
Sipadan	Malaysia
Ligitan	X

Apakah negara X?

- A Filipina C Indonesia
B Thailand D Singapura
(Buku Teks m.s. 227)

- 10 Mengapakah Kepulauan Spratly menjadi rebutan antara negara-negara berikut?

- China
- Brunei
- Filipina
- Vietnam

- I Kepentingan ekonomi
II Kemudahan sosial
III Kemajuan infrastruktur
IV Kedudukan yang strategik
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 227)

- 11 Apakah isu pertindihan sempadan yang dibangkitkan dalam Forum ASEAN-China pada tahun 1955?

- A Pulau Ligitan C Pulau Batu Putih
B Pulau Sipadan D Kepulauan Spratly

(Buku Teks m.s. 227)

- 12 Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1984 ialah zon laut yang ditetapkan oleh Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu.

Apakah kawasan yang termaktub dalam zon tersebut?

- A Terumbu Serindit
B Kepulauan Natuna
C Kepulauan Paracel
D Terumbu Semarang Barat

(Buku Teks m.s. 227)

- 13 Apakah isu ekonomi yang dihadapi Malaysia di peringkat global?

- A Peniruan produk negara
B Kempen antiminyak sawit
C Pasaran barangan terhad
D Kekurangan tenaga mahir

(Buku Teks m.s. 228)

- 14 Apakah persamaan peranan pertubuhan berikut?

- American Soybean Association (ASA)
- Pihak NGO Pencinta Alam di Eropah

- A Mengatasi isu pemerdagangan manusia
B Menjalankan gerakan antiminyak kelapa sawit
C Menggubal undang-undang berkaitan alam sekitar
D Memberi maklumat berkaitan penyalahgunaan dadah

(Buku Teks m.s. 228)

- 15 Mengapakah NGO Pencinta Alam di Eropah melancarkan kempen antiminyak sawit?

- I Memudaratkan kesihatan manusia
II Menyebabkan kemusnahan hutan
III Menyebabkan punca pencemaran alam
IV Menjejaskan penjualan minyak kacang soya

- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 228)

- 16 Senarai berikut berkaitan dengan usaha Malaysia menangani kempen antiminyak sawit.

Skim pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)

Apakah kepentingan skim pensijilan tersebut?

- A Penghasilan minyak sawit secara mampan
B Pembuktian terhadap kebaikan minyak sawit
C Peningkatan pengeluaran minyak sawit dunia
D Pengiktirafan oleh PBB terhadap minyak sawit

(Buku Teks m.s. 228)

- 17 Malaysia menggunakan pendekatan berhemah untuk menyelesaikan masalah kempen antiminyak sawit.

Mengapakah pendekatan tersebut digunapakai?

- A Mendapat sokongan dunia
B Mengatasi pencerobohan luar
C Mengelakkan sebarang konflik
D Mengukuhkan hubungan diplomatik

(Buku Teks m.s. 228)

- 18 Mengapakah Malaysia menjadi transit perdagangan orang ke negara lain?
- A Kedudukan yang strategik
 - B Kemudahan pelabuhan banyak
 - C Kawalan sempadan yang longgar
 - D Kemajuan dalam bidang sosioekonomi

(Buku Teks m.s. 229)

- 19 Perdagangan orang merupakan jenayah terancang.
Apakah ancaman jenayah tersebut terhadap negara?

- A Menjadi punca pencemaran
- B Meningkatkan kos pentadbiran
- C Menyaingi golongan profesional
- D Mengancam keselamatan negara

(Buku Teks m.s. 229)

- 20 Senarai berikut berkaitan dengan undang-undang yang dikuatkuasakan menerusi Konvensyen PBB.

- Protokol PBB
- Hak Kanak-Kanak 1989

Apakah tujuan penguatkuasaan undang-undang tersebut?

- A Memboikot produk barangan
- B Menentang pencerobohan sempadan
- C Memerangi perdagangan orang
- D Mengatasi wabak penyakit

(Buku Teks m.s. 229)

- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan ancaman wabak penyakit yang dihadapi Malaysia.

- Dikesan pada tahun 1986.
- Merebak disebabkan gaya hidup tidak sihat dan penyalahgunaan dadah.

Apakah wabak penyakit berjangkit tersebut?

- A AIDS
- B Taun
- C Malaria
- D Covid-19

(Buku Teks m.s. 229)

- 22 Apakah tujuan program National Strategic Plan of Ending AIDS dilaksanakan?

- A Menjadikan dunia bebas AIDS
- B Mencipta vaksin mengubati AIDS
- C Mengawal penularan wabak AIDS
- D Memberi kesedaran tentang AIDS

(Buku Teks m.s. 229)

- 23 Apakah agensi PBB yang mengiktiraf kejayaan Malaysia dalam menangani penularan wabak AIDS di Asia?

- A ILO
- B FAO
- C WHO
- D UNCHR

(Buku Teks m.s. 229)

10.2 Peranan Malaysia dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa

(Buku Teks m.s. 230 – 233)

- 24 Logo berikut berkaitan dengan AFTA (ASEAN Free Trade Area).



Apakah kepentingan AFTA kepada negara anggota?

- A Mengukuhkan aset ketenteraan
- B Memelihara keamanan serantau
- C Meningkatkan kerjasama ekonomi
- D Mengukuhkan keselamatan negara

(Buku Teks m.s. 230)

- 25 Apakah manfaat penubuhan AFTA terhadap anggota ASEAN?

- A Penciptaan pelbagai produk
- B Sekatan ekonomi dibatalkan
- C Cukai barangan berkurangan
- D Peluang pekerjaan bertambah

(Buku Teks m.s. 230)

- 26 Ekonomi dunia didominasi oleh negara maju. Apakah kesan tindakan tersebut terhadap Malaysia?

- I Pelaksanaan pembayaran levi
 - II Pelbagai sekatan dikenakan
 - III Pembentukan pelbagai tarif
 - IV Penggunaan mata wang USD
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 230)

- 27 Logo berikut berkaitan dengan Asia Pacific Economic Cooperation (APEC).



Apakah cadangan Malaysia terhadap APEC?

- A Semua negara memperoleh hak kebebasan
- B Semua negara bertindak mengawal perairan
- C Semua negara memperkukuhkan kerjasama
- D Semua negara mendapat layanan yang sama

(Buku Teks m.s. 230)

- 28 Peta berikut berkaitan dengan kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga.



Lingkungan kawasan SIJORI-GT

Mengapakah kerjasama tersebut dilaksanakan?

- I Mendapatkan keuntungan bersama
 - II Saling membantu memajukan kawasan terlibat
 - III Sentiasa berwaspada terhadap penceroboh luar
 - IV Mengenakan sekatan perdagangan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 231)

- 29 Apakah kesan pembangunan ekonomi tiga segi terhadap Malaysia?

- A Mengurangkan pasaran barangan ke negara maju
- B Membendung campur tangan ekonomi negara maju
- C Memperbaiki hubungan perdagangan antara negara
- D Memperkukuhkan mekanisme sistem kewangan dunia

(Buku Teks m.s. 231)

- 30 Apakah pihak yang terlibat dalam pembangunan segi tiga SIJORI-GT?

- A Negara-negara maju
- B Negara anggota Komanwel
- C Negara anggota ASEAN
- D Negara dunia ketiga

(Buku Teks m.s. 231)

- 31 Bagaimanakah negara ASEAN mengurangkan kebergantungan pada pasaran kewangan antarabangsa?

- I Menggunakan wang ASEAN
 - II Menubuhkan koperasi ASEAN
 - III Memperkenalkan cukai ASEAN
 - IV Menetapkan sempadan ASEAN
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 231)

- 32 Pada tahun 1997 – 1998, kebanyakan negara Asia menghadapi kemelesetan ekonomi. Mengapakah berlaku kemelesetan ekonomi?

- A Pasaran yang terhad
- B Kenaikan harga barang
- C Berlaku masalah inflasi
- D Spekulasi mata wang

(Buku Teks m.s. 232)

- 33 Bagaimanakah pendekatan Malaysia bagi menangani kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 – 1998?

- A Mempelbagaikan komoditi utama
- B Meluaskan jalinan hubungan luar
- C Menambat kadar pertukaran ringgit
- D Menggunakan pelan perancangan IMF

(Buku Teks m.s. 232)

- 34 Malaysia adalah penyokong perkembangan kewangan Islam.

Apakah bukti sokongan tersebut?

- A Melancarkan mekanisme ekonomi dan non ekonomi
- B Penubuhan Pusat Antarabangsa Pendidikan Kewangan Islam
- C Pengenalan perancangan strategik dan kerjasama antarabangsa
- D Menganggotai Pusat Kewangan dan Perdagangan Antarabangsa

(Buku Teks m.s. 232)

- 35 Malaysia telah menjadi pasaran sukuk terbesar di dunia.

Apakah maksud sukuk?

- A Bank Islam Malaysia
- B Sistem Kewangan Islam
- C Perniagaan secara Islam
- D Sijil Kewangan Islam

(Buku Teks m.s. 232)

- 36 Mengapakah Malaysia menubuhkan pusat pendidikan berikut?

International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)

- A Mengatur sistem pendidikan negara
- B Menyokong sistem kewangan Islam
- C Meningkatkan perkembangan ekonomi
- D Menyeragamkan perbendaharaan negara

(Buku Teks m.s. 232)

10.3 Pelibatan Rakyat dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan

(Buku Teks m.s. 234 – 237)

- 37 Siapakah pemimpin Malaysia yang mula memperjuangkan isu Palestin?

- A Tun Abdul Razak
- B Tun Hussein Onn
- C Tunku Abdul Rahman
- D Tun Dr. Mahathir Mohamad

(Buku Teks m.s. 234)

- 38 Apakah peristiwa yang menimbulkan pembelaan terhadap rakyat Palestin?

- A Kekejaman rejim Zionis Israel
- B Perebutan kuasa antara militan
- C Perebutan sumber bahan mentah
- D Kelemahan pemerintahan negara

(Buku Teks m.s. 234)

- 39 Apakah NGO yang menganjurkan Hari Solidariti Rakyat Palestin?

- A Aman Palestin
- B Cinta Gaza Malaysia
- C Muslim Care Malaysia
- D Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia

(Buku Teks m.s. 234)

- 40 Apakah persamaan sumbangan misi kemanusiaan NGO berikut?

- Muslim Care Malaysia
- Cinta Gaza Malaysia (CGM)
- Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)

- A Isu Syria
- B Isu Palestin
- C Tsunami di Aceh
- D Tsunami di Sri Lanka

(Buku Teks m.s. 234)

- 41 Maklumat berikut merujuk kepada NGO yang membantu Palestin.

- Diasaskan oleh Muhammad Nadir Al-Nuri Kamarulzaman.
- Beroperasi sejak tahun 2013.
- Melancarkan Projek Ramadan 2020.
- Menjalankan aktiviti kutipan dan sumbangan kepada penduduk Gaza.

Apakah NGO tersebut?

- A Aman Palestin
- B Cinta Gaza Malaysia
- C Muslim Care Malaysia
- D Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia

(Buku Teks m.s. 234)

- 42 Rakyat Malaysia memberi sokongan padu dalam isu Palestin.

Bagaimanakah sokongan tersebut dilaksanakan?

- I Melakukan demonstrasi
- II Menyertai misi ketenteraan
- III Membantu MERCY Malaysia
- IV Menubuhkan Tabung Palestin

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 234 – 235)

- 43 Mengapakah program kemanusiaan berikut digerakkan ke Palestin?

Freedom Flotilla

- A Membina kemudahan asas
- B Menubuhkan pusat penggajian
- C Menghantar bantuan makanan
- D Menjaga kebajikan pelarian

(Buku Teks m.s. 235)

44 Peristiwa berikut berlaku pada 30 Julai 2018.

Seramai 22 aktivis termasuk wakil tunggal Malaysia, Prof Madya Dr Mohd Afandi Salleh, diculik oleh tentera Israel pada jam 7.15 petang waktu Malaysia di perairan antarabangsa ketika dalam misi kemanusiaan pelayaran kapal *Al-Awda* menuju ke Gaza.

Apakah rumusan yang diperoleh melalui peristiwa tersebut?

- A Kerjasama rakyat dalam isu kemanusiaan
- B Cabaran dalam menyertai misi kemanusiaan
- C Kesungguhan rakyat dalam pertubuhan NGO
- D Strategi untuk mendapatkan hak dan keadilan

(Buku Teks m.s. 235)

45 Maklumat berikut berkaitan dengan krisis politik di Syria.

Krisis politik di Syria telah bermula sejak 2011 yang menyebabkan rakyat Syria hidup dalam kesengsaraan.

Apakah kesengsaraan yang dihadapi oleh rakyat Syria tersebut?

- I Ketiadaan kerajaan
 - II Ketiadaan kerakyatan
 - III Kekurangan makanan
 - IV Kekurangan kemudahan perubatan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 236)

46 Pada 1 Oktober 2015, kerajaan Malaysia telah mengumumkan kesediaan untuk membantu rakyat Syria.

Apakah bentuk bantuan tersebut?

- A Membangkitkan isu Syria di PBB
- B Menerima 3000 orang pelarian Syria
- C Menghantar misi pengaman ke Syria
- D Menyertai misi kemanusiaan ke Syria

(Buku Teks m.s. 236)

47 Kempen i4Syria telah dilancarkan bagi menyalurkan pelbagai bantuan kepada pelarian Syria.

Apakah NGO yang melancarkan kempen tersebut?

- A Global Peace Mission (GPM)
- B Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)

C Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia)

D Cinta Syria Malaysia (CSM)

(Buku Teks m.s. 236)

48 Apakah misi kemanusiaan yang disertai oleh NGO berikut?

- Cinta Syria Malaysia (CSM)
- Global Peace Mission (GPM)
- Organisasi Humanitarian Care Malaysia (MyCare)

- A Isu Syria
- B Isu Rohingya
- C Tsunami di Aceh
- D Tsunami di Sri Lanka

(Buku Teks m.s. 236)

49 Apakah program yang dianjurkan oleh NGO berikut?

Cinta Syria Malaysia (CSM)

- A Sekolah KITA
- B Freedom Flotilla
- C Winter Mission 7
- D Hari Solidariti Rakyat Syria

(Buku Teks m.s. 236)

50 Apakah bantuan kemanusiaan oleh Global Peace Mission (GPM) terhadap pelarian Syria?

- I Membina rumah
 - II Pelbagai ubatan
 - III Bantuan makanan
 - IV Pendidikan percuma
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 236)

51 Tabung Kemanusiaan Program Penempatan Migran Syria telah dilancarkan pada 20 Mei 2016.

Apakah pihak yang melancarkan program tersebut?

- A Parti politik
- B Pelbagai NGO
- C Rakyat Malaysia
- D Kerajaan Malaysia

(Buku Teks m.s. 236)

52 Bagaimanakah penglibatan rakyat Malaysia membantu rakyat Syria?

- A Menyertai misi ketenteraan
- B Menolak kerjasama dari Syria
- C Menolak barangan buatan Syria
- D Menyertai perhimpunan solidariti

(Buku Teks m.s. 236)

53 Apakah bentuk bencana yang memusnahkan Aceh dan Sri Lanka pada tahun 2004?

- A Banjir
- B Tsunami
- C Gempa bumi
- D Wabak penyakit

(Buku Teks m.s. 237)

54 Apakah NGO yang terlibat dalam misi kemanusiaan di Aceh dan Sri Lanka?

- A MERCY Malaysia
- B Global Peace Mission
- C YOSH MyFundAction
- D Yayasan Salam Malaysia

(Buku Teks m.s. 237)

55 Siapakah yang menubuhkan NGO berikut?

Malaysian Medical Relief Society
(MERCY Malaysia)

- A Dr. Mohd Afandi Salleh
- B Dr. Fauziah Mohd Hasan
- C Datuk Maimunah Mohd Sharif
- D Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood

(Buku Teks m.s. 237)

56 Apakah sumbangan MERCY Malaysia terhadap penduduk Aceh?

- I Memberi bantuan perubatan
 - II Memberi pendidikan percuma
 - III Membangunkan teknologi hijau
 - IV Membina semula pusat kesihatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 237)

57 Apakah bantuan MERCY Malaysia terhadap mangsa tsunami di Sri Lanka?

- A Memberi bantuan kebajikan
- B Membina rumah anak yatim
- C Membangunkan infrastruktur
- D Memperbaiki pusat pentadbiran

(Buku Teks m.s. 237)

58 Maklumat berikut berkaitan dengan NGO yang terlibat dalam misi kemanusiaan ke Aceh.

- Ditubuhkan pada tahun 1971.
- Memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa tsunami.
- Mendirikan sekolah dan rumah perlindungan kepada lebih kurang 120 orang anak yatim di Banda Aceh.

Apakah NGO tersebut?

- A Yayasan Restu
- B Aman Malaysia
- C MERCY Malaysia
- D Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

(Buku Teks m.s. 237)

59 Apakah bentuk sumbangan NGO berikut terhadap mangsa tsunami di Aceh?

Yayasan Restu

- I Mendirikan pusat kesihatan
 - II Membina rumah anak yatim
 - III Memberi bantuan pendidikan
 - IV Menyediakan rawatan percuma
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 237)

60 Senarai berikut merupakan NGO yang terlibat dalam isu kemanusiaan.

- Yayasan Restu
- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia)

Apakah isu kemanusiaan yang disertai oleh NGO tersebut?

- A Isu Syria
- B Isu Palestin
- C Isu Aparteid
- D Isu tsunami di Aceh

(Buku Teks m.s. 237)

10.4 Usaha Mengekalkan Kelestarian Global

(Buku Teks m.s. 238 – 241)

61 Apakah maksud kelestarian global?

- A Memulihkan kemusnahan alam
- B Melindungi kawasan perhutanan
- C Mengekalkan keaslian alam sekitar
- D Memelihara kawasan hutan simpanan

(Buku Teks m.s. 238)

- 62 Peristiwa berikut berkaitan dengan usaha Malaysia mengekalkan kelestarian global.

Tahun	Oktober 1989
Tempat	Kuala Lumpur
Mesyuarat	Deklarasi Langkawi dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komonwel (CHOGM)

Apakah persetujuan yang dicapai dalam deklarasi tersebut?

- A Memelihara alam sekitar
- B Menyolus bantuan teknikal
- C Menyediakan dana pendidikan
- D Membentuk kerjasama ekonomi

(Buku Teks m.s. 238)

- 63 Apakah isu alam sekitar yang perlu ditangani dalam Deklarasi Langkawi?

- I Penipisan ozon
- II Kesan rumah hijau
- III Penterasan tanah
- IV Pembalakan secara haram

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 238)

- 64 Gambar berikut ialah Anugerah Langkawi yang diberikan kepada warganegara Malaysia yang memberi komitmen dan sumbangan besar terhadap negara.



Apakah bidang yang terlibat?

- A Sungai
- B Kesihatan
- C Alam sekitar
- D Rumah kebajikan

(Buku Teks m.s. 238)

- 65 Apakah dasar negara yang menjadi asas dalam pembangunan negara?

- A Dasar Pertanian Negara
- B Dasar Alam Sekitar Negara
- C Dasar Kelestarian Ekonomi
- D Dasar Perubahan Iklim Negara

(Buku Teks m.s. 238)

- 66 Maklumat berikut berkaitan dengan pembangunan negeri Kedah.

Tahun	2006
Pembangunan	Mengisytiharkan Langkawi sebagai <i>geopark</i>

Apakah kesan daripada pengisytiharan tersebut?

- A Menjamin kelestarian negeri
- B Memajukan ekonomi negara
- C Membaiki kehidupan manusia
- D Meningkatkan kerjasama wilayah

(Buku Teks m.s. 238)

- 67 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar negara terhadap alam sekitar.

Tahun	2009
Dasar	Dasar Teknologi Hijau Negara
Peranan	Menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau

Apakah kepentingan dasar tersebut?

- A Memelihara flora dan fauna
- B Mengatasi masalah pencemaran
- C Mengelakkan pembukaan tanah
- D Mengawal perubahan iklim

(Buku Teks m.s. 238)

- 68 Gambar berikut berkaitan dengan Sidang Kemuncak Bumi PBB di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.



Apakah sumbangan Malaysia dalam persidangan tersebut?

- A Pengenalan pelan kawalan iklim
- B Penyelesaian terhadap isu jerebu
- C Pelancaran Dasar Teknologi Hijau
- D Pengisytiharan deklarasi Agenda 21

(Buku Teks m.s. 239)

- 69 Agenda 21 merupakan satu dokumen umum yang penting dalam perihalan alam sekitar. Apakah kandungan dokumen tersebut?
- A Pemuliharaan alam sekitar
 - B Pelan industri pelancongan
 - C Pengurusan aktiviti manusia
 - D Pengawasan ekosistem dunia

(Buku Teks m.s. 239)

- 70 Maklumat berikut berkaitan dengan penyertaan Malaysia terhadap isu pencemaran alam sekitar.

Menyentuh tindakan pembangunan abad ke-21 bagi mengatasi masalah kemiskinan, kebuluran dan kemerosotan ekosistem.

Maklumat tersebut merujuk kepada

- A Agenda 21
- B Akta Kualiti Alam
- C Protokol Kyoto 1997
- D Sidang Kemuncak Bumi

(Buku Teks m.s. 239)

- 71 Peristiwa berikut berkaitan dengan usaha Malaysia memulihara alam sekitar.

Tahun	2007
Persidangan	Persidangan Alam Sekitar di Bali, Indonesia.
Persetujuan	Menggalakkan penggunaan tenaga baharu.

Apakah tenaga baharu tersebut?

- A Tenaga solar
- B Tenaga elektrik
- C Tenaga nuklear
- D Tenaga haba

(Buku Teks m.s. 239)

- 72 Mengapakah Malaysia menuduh penerokaan terhadap Antartika dilakukan secara tidak adil?
- A Diterokai secara haram dan bebas
 - B Dijalankan penyelidikan tanpa sekatan
 - C Dikunjungi tanpa mengikut garis panduan
 - D Didominasi oleh sebahagian kecil negara

(Buku Teks m.s. 240)

- 73 Maklumat berikut berkaitan dengan desakan Malaysia terhadap PBB dalam isu Antartika.

Tahun	1983
Persidangan	Sidang Kemuncak NAM Ketujuh di New Delhi, India.

Apakah desakan Malaysia berkaitan Antartika?

- A Menghalang pencerobohan luar
- B Menjadi warisan manusia sejagat
- C Menguatkuasakan undang-undang
- D Mengatasi masalah penipisan ozon

(Buku Teks m.s. 240)

- 74 Malaysia mencadangkan agar pentadbiran Antartika diuruskan oleh PBB.

Apakah kepentingan cadangan tersebut?

- A Semua negara sebagai pemegang amanah
- B Kesepakatan dalam membuat keputusan
- C Negara kecil dibenarkan membuat kajian
- D Hasil diperoleh dikongsi bersama-sama

(Buku Teks m.s. 240)

- 75 Pasukan penyelidik Malaysia telah dibentuk untuk melakukan penyelidikan di Antartika. Apakah bidang penyelidikan yang telah dilakukan?

- I Kajian gas rumah hijau
- II Perubahan iklim
- III Kenaikan paras air
- IV Pembangunan ekosistem

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 241)

- 76 Malaysia telah membuka Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan yang ditempatkan di Universiti Malaya.

Siapakah penerajui pusat penyelidikan tersebut?

- A Dr. Jemilah Mahmood
- B Dr. Azizan Abu Samah
- C Dr. Jomo Kwame Sundaram
- D Dr. Haji Omar Abdul Rahman

(Buku Teks m.s. 241)

- 77 Logo Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM).



Apakah peranan yaysan tersebut?

- A Melaksanakan pelbagai forum
- B Memberi bantuan kemanusiaan
- C Melakukan penyelidikan saintifik
- D Mengadakan latihan teknikal

(Buku Teks m.s. 241)

10.5 Wawasan Malaysia Menuju Masa Hadapan

(Buku Teks m.s. 242 – 245)

- 78 Pernyataan berikut merujuk kepada maksud konsep.

Strategi jangka panjang sebagai panduan arah dasar dalam pelbagai aspek berkaitan dengan pembangunan negara.

Apakah konsep tersebut?

- A Global kontemporari
- B Wawasan masa hadapan
- C Dasar pentadbiran negara
- D Program pembangunan negara

(Buku Teks m.s. 242)

- 79 Gambar berikut berkaitan dengan komuniti ASEAN



Bagaimanakah Komuniti ASEAN ditubuhkan?

- A Deklarasi Langkawi
- B Pelan Strategik ASEAN
- C Deklarasi Kuala Lumpur
- D Persidangan Kemuncak Bumi

(Buku Teks m.s. 242)

- 80 Apakah tanggungjawab Komuniti ASEAN yang ditubuhkan pada tahun 2015?

- A Membatalkan sekatan ekonomi
- B Menyelesaikan konflik serantau
- C Mencerminkan harapan ASEAN
- D Meningkatkan kerjasama serantau

(Buku Teks m.s. 242)

- 81 Bagaimanakah komuniti ASEAN mengekalkan keamanan serantau?

- A Mempertingkatkan aset pertahanan
- B Menyelesaikan konflik secara damai
- C Menghalang campur tangan pihak luar
- D Menandatangani perjanjian keselamatan

(Buku Teks m.s. 242)

- 82 Apakah hasrat komuniti ASEAN dalam bidang sosiobudaya?

- A Mempromosikan keunikan adat resam
- B Menukar idea dan rancangan penerbitan
- C Mengelakkan perkara sensitif diperkatakan
- D Mempertingkatkan integrasi antara anggota

(Buku Teks m.s. 242)

- 83 Sebuah agensi antarabangsa telah membangkitkan isu berkaitan keselamatan makanan pada tahun 1996.

Apakah agensi tersebut?

- A WHO
- B UNC
- C UNHCR
- D CHOGM

(Buku Teks m.s. 242)

- 84 Apakah isu tentang keselamatan makanan yang perlu ditangani di rantau Asia Tenggara?

- I Bekalan barangan terhad
 - II Kenaikan harga barangan
 - III Kualiti barang yang rendah
 - IV Keaslian produk makanan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 242)

- 85 Apakah matlamat penubuhan Rizab Sekuriti Makanan ASEAN?

- A Mengawal pengeluaran pelbagai produk makanan
- B Mendapatkan maklumat tentang dasar sekuriti makanan
- C Meningkatkan kerjasama dalam kawalan wabak penyakit
- D Mewujudkan rancangan dalam mengawal mutu makanan

(Buku Teks m.s. 243)

- 86 Apakah kepentingan penubuhan Rizab Sekuriti Makanan ASEAN?

- A Mengenal pasti kualiti makanan
- B Mengawal harga bahan mentah
- C Digunakan sewaktu kecemasan
- D Diselaraskan jumlah pengeluaran

(Buku Teks m.s. 243)

- 87 Bagaimanakah usaha negara di Asia Tenggara untuk menangani masalah jerebu?

- A Memeteraikan Perjanjian ASEAN
- B Menubuhkan pusat penyelidikan
- C Meminta bantuan antarabangsa
- D Membentuk komuniti keamanan

(Buku Teks m.s. 243)

- 88 Senarai berikut berkaitan dengan usaha ASEAN untuk menyimpan stok makanan sewaktu kecemasan.

Simpanan Beras Kecemasan Makanan

Apakah kadar yang ditetapkan sebagai stok makanan?

- A 20 000 tan
- B 30 000 tan
- C 40 000 tan
- D 50 000 tan

(Buku Teks m.s. 243)

- 89 Perjanjian ASEAN menyarankan negara anggota yang terlibat untuk mengambil tindakan menangani masalah jerebu. Apakah aspek tindakan tersebut?

- A Politik
- B Ekonomi
- C Keselamatan
- D Undang-undang

(Buku Teks m.s. 243)

- 90 Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama yang terjalin antara Malaysia dan Singapura.

Malaysia dan Singapura bersetuju bekerjasama untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pencegahan kebakaran di tanah gambut.

Mengapakah penyelidikan tersebut dilakukan?

- A Menangani isu jerebu
- B Menyuburkan kawasan
- C Mencukupkan stok makanan
- D Mengawal pengeluaran barang

(Buku Teks m.s. 243)

- 91 Maklumat berikut berkaitan dengan perjanjian untuk mengatasi persaingan senjata nukleir.

Perjanjian Zon Bebas Senjata Nukleir Asia Tenggara

Apakah kepentingan perjanjian tersebut?

- A Memelihara keamanan sejagat
- B Menghormati prinsip negara Komanwel
- C Meningkatkan kerjasama sosioekonomi
- D Melindungi hak asasi manusia

(Buku Teks bab m.s. 244)

- 92 Mengapakah Asia Tenggara turut terlibat dalam rancangan perundingan antara kuasa besar berikut?

• China
• Amerika Syarikat

- A Mengalami konflik politik
- B Kedudukan yang strategik
- C Kewibawaan pemimpin negara
- D Mempunyai sumber bahan mentah

(Buku Teks m.s. 244)

- 93 Perairan Asia Tenggara menjadi laluan kapal perang asing yang membawa senjata nuklear. Apakah kawasan perairan tersebut?

- I Selat Melaka
- II Lautan Hindi
- III Laut Sulawesi
- IV Laut China Selatan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 244)

- 94 Mengapakah Malaysia tidak membenarkan kapal yang membawa senjata nuklear berlabuh di perairan negara?

- A Meningkatkan maruah negara
- B Menyokong hak asasi manusia
- C Mengelakkan konflik yang buruk
- D Mengukuhkan dasar pentadbiran

(Buku Teks m.s. 244)

- 95 Maklumat berikut berkaitan dengan pandangan Malaysia terhadap pertubuhan dunia.

Terdapat pertubuhan dunia yang tidak dapat melindungi hak dan kedudukan negara kecil yang sedang membangun.

Apakah pertubuhan dunia tersebut?

- I PBB
- II OIC
- III NAM
- IV Komanwel
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 244)

- 96 Apakah pendirian Malaysia terhadap negara yang memiliki kuasa veto?
- A Tidak mengawal ekonomi negara lain
 - B Tidak campur tangan dalam pentadbiran
 - C Tidak terkecuali daripada undang-undang
 - D Tidak mengganggu negara yang membangun

(Buku Teks m.s. 244)

- 97 Senarai berikut berkaitan dengan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019 yang dianjurkan oleh Malaysia.

Kehadiran Persidangan
• 56 buah negara Islam • 450 perwakilan

Apakah matlamat persidangan tersebut?

- A Menentang isu penyalahgunaan kuasa veto
- B Melindungi hak dan kedudukan negara kecil
- C Merapatkan jurang antara masyarakat Islam
- D Mengukuhkan kerjasama antara negara Islam

(Buku Teks m.s. 244)

- 98 Apakah implikasi kehadiran PATI dan pelarian terhadap negara kita?

- A Peningkatan jumlah penduduk
- B Memutuskan hubungan diplomatik
- C Mengancam keselamatan negara
- D Peluang pekerjaan bertambah

(Buku Teks m.s. 245)

- 99 Apakah faktor penarik kepada kemasukan PATI dan pelarian ke Malaysia?

- I Kekayaan sumber hasil bumi
- II Penduduk yang pelbagai kaum
- III Kedudukan negara yang stabil
- IV Pertumbuhan ekonomi yang pesat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 244)

- 100 Malaysia terlibat dalam pelbagai program di bawah agensi PBB untuk mengatasi masalah PATI dan pelarian.

Apakah agensi PBB tersebut?

- A UNHCR
- B UNICEF
- C UNESCO
- D Majlis Keselamatan

(Buku Teks m.s. 245)